

19/12/1997

Majlis khas isi dana Papita

Zainuri Misfar

PERSATUAN Penyanyi Pemuzik dan Penulis Lagu Tanah Air (Papita) berusaha mengukuhkan imejnya apabila menganjurkan majlis Makan Malam Papita '98 di Grand Ballroom, Hotel Sunway Lagoon Resort pada 11 April 1998.

Majlis itu diadakan dengan dua tujuan. Pertama mengisi dana Papita dan kedua membuktikan persatuan itu mempunyai kedudukannya tersendiri dengan mengadakan satu acara di sebuah hotel bertaraf lima bintang.

Papita juga turut membuat undangan rasmi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tetamu kehormat di majlis itu. Majlis Malam Papita '98 itu diadakan di bawah naungan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

Setiausaha Kehormat Papita, Nasharuddin Alias atau Nash, berkata majlis itu juga akan cuba menghimpunkan seluruh penyanyi, pemuzik dan penulis lagu tanah air sekaligus membuktikan mereka bersatu di bawah satu persatuan.

Katanya, sebanyak 200 meja akan dijual dalam majlis itu dan berharap ia mendapat sambutan pelbagai pihak, khususnya ahli korporat.

"Walaupun ekonomi negara nampak gawat, kami yakin tidak menjejaskan niat mana-mana pihak memberi sumbangan kepada Papita menerusi majlis itu.

"Kita sudah lama merancang majlis ini, sejak sebelum ekonomi negara masih kukuh. Tapi dalam keadaan sekarang, Papita tetap meneruskan kegiatan ini.

"Apa yang dirancang perlu diteruskan.

"Cuma kami perlukan sokongan semua pihak untuk menjayakan majlis itu," katanya pada sidang akhbar di sebuah hotel terkemuka di ibu negara, kelmarin.

Turut hadir ialah pegawai khas yang menjadi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan iaitu Misran Yusuf dan wakil Yang Di pertua Majlis Daerah Subang Jaya, Norhayati Harun.

Ditanya mengapa diadakan di hotel lima bintang sedangkan Papita tidak mempunyai sumber kewangan kukuh, Nash menjelaskan perkara itu tidak menjadi masalah besar kerana Papita cuba mendapatkan kerjasama pengurusan hotel berkenaan.

Katanya, Papita akan mendekati penyanyi atau karyawan muzik untuk menyokong persatuan itu.

"Kita akan buat acara berasingan bagi merapatkan hubungan dengan mereka. Beberapa pendekatan juga akan diteruskan," katanya.

(END)